



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KENYATAAN MEDIA

## OPERASI BERSEPADU KHAZANAH (OBK) MENERIMA ANUGERAH PENGUATKUASAAN ALAM SEKITAR ASIA 2020

Sukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah dipilih antara pemenang Anugerah Penguatkuasaan Alam Sekitar Asia 2020 di Majlis Asia *Environmental Enforcement Awards* ke-5 anjuran United Nations Environment Programme (UNEP) pada 17 Februari 2021.

OBK dilancarkan pada 3 September 2019 untuk membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar melibatkan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri, Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP), Perbadanan Taman Negeri Johor (PTNJ) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Anugerah ini adalah berdasarkan kejayaan cemerlang OBK pada tahun 2019 di mana seramai 87 pesalah telah ditangkap dengan jumlah sitaan bernilai RM2.7 juta serta memusnahkan sebanyak 460 jerat dawai. Pada tahun 2020 pula, seramai 140 pesalah telah ditangkap dengan jumlah sitaan bernilai RM1.85 juta serta sebanyak 672 jerat dawai dimusnahkan. OBK masih giat dilaksanakan pada tahun 2021 dan diperkuuhkan di bawah Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme - BP3*).

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Jabatan PERHILITAN, PDRM, JKDM, JPSM dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan OBK. Kerjasama strategik seumpama ini bukan sahaja akan diteruskan malah akan diperkuuhkan bagi menjaga khazanah biodiversiti negara yang tidak ternilai.

Saya menyeru semua pihak berganding bahu memperhebatkan usaha dalam membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar.

**YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**18 FEBRUARI 2021**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia